

08 OCT 2001

RAFIDAH-PELABURAN

M'SIA PUNYA CUKUP TARIKAN BAGI ALIRAN MODAL - RAFIDAH

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Malaysia mempunyai cukup tarikan bagi pengaliran masuk pelaburan asing tidak kira apa jenis publisiti buruk yang diterima oleh negara ini, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

"Kita tidak mengatakan ia kerana kita mahu memuji diri sendiri. Ia adalah hakikat, mereka (para pelabur) yang memberitahu kita demikian," katanya.

Beliau berkata banyak pelabur yang datang ke Malaysia merasakan bahawa keadaan di sini adalah berbeza daripada apa yang digambarkan di dalam publisiti negatif yang diberikan kepada negara ini.

Pelabur yang serius akan melakukan kajiselidik mengenai pro dan kontra pasaran sebelum membuat keputusan mengenai sesuatu projek, beliau memberitahu pemberita semasa taklimat mengenai mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik ke-13 di sini hari ini.

Malaysia, katanya terus menerima pelaburan bagi pembesaran kilang-kilang yang dimiliki dan diusahakan oleh syarikat-syarikat asing terutamanya syarikat-syarikat Amerika yang terbabit dalam pengeluaran elektronik.

Rafidah mengulas mengenai satu artikel di dalam sebuah majalah serantau, dalam melaporkan mengenai demonstrasi di Indonesia, berkata bahawa negara-negara Asia Tenggara dengan majoriti penduduk Islam boleh mengalami kelembapan dalam pengaliran masuk pelaburan langsung asing (FDI).

Rafidah berkata Kementerian beliau (MITI) telah mengemukakan cadangan 22 halaman kepada Kementerian Kewangan berhubung dengan persediaan bagi Belanjawan 2002 akan datang.

Cadangan-cadangan itu, katanya, terdiri daripada bukan sahaja sektor pembuatan tetapi juga sektor-sektor berkaitan iaitu perkhidmatan, logistik dan perdagangan.

Katanya cadangan itu menumpukan kepada bagaimana menjadikan sektor-sektor itu lebih kompetitif.

"Kami telah meliputi beberapa perkara yang kami fikir kami perlu tumpukan, dan juga saranan-saranan yang amat relevan daripada sektor swasta yang kami telah bincangkan sepanjang beberapa bulan lalu," katanya.

MITI berharap agar Menteri Kewangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melihat dengan positif kesemua saranan itu.

Mengenai sama ada akan terdapat pengurangan cukai beliau berkata: "pengurangan cukai bukan satu-satunya isu utama; terdapat banyak perkara lain yang kita perlu lakukan untuk menjadikan sektor swasta kompetitif." -- BERNAMA

SM SEL OS